

JARDIN ZINCOX 15 CREAM (ZINC OXIDE 15% W/W)

Zinc Oxide 15% w/w

Apakah Yang Ada Pada Risalah Ini

1. Apakah kegunaan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w).
2. Bagaimana Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w) berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w).
4. Cara menggunakan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w).
5. Semasa menggunakan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w).
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Zincox 15 (Zinc Oxide 15% w/w).
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w)

Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w) digunakan sebagai pelindung kulit dalam pelbagai keadaan kulit seperti ruam lampin, ekzema dan kulit bermasalah.

Bagaimana Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w) berfungsi

Zink oksida bertindak sebagai penghalang fizikal yang melegakan kulit dan menghalang daripada kerengsaan secara langsung. Kesan perlindungan ini menghalang kerengsaan menjadi semakin teruk dan menggalakkan proses penyembuhan kulit.

Sebelum menggunakan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w)

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada bahan-bahan dalam ubat ini

- Sebelum mula menggunakan

- Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan lain.
- Periksa penutup samaada pecah atau tidak. Jika pecah, jangan gunakan krim ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w)

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan 3 kali sehari atau bila diperlukan.

- Bila perlu digunakan

Untuk ruam lampin, sapukan krim setiap kali menukar lampin.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu menggunakan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan semula seperti yang diperlukan.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja tertelan krim ini, hubungi ahli farmasi atau doktor anda.

Semasa menggunakan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w)

- Perkara yang perlu dilakukan

- Pastikan anda membasuh tangan sebelum menggunakan krim ini.
- Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi ubat dengan orang lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika berlaku alahan terhadap kulit, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Kebanyakan pengguna tidak akan menghadapi masalah, tetapi sesetengah pengguna akan mendapat kesan iaitu:
Alahan kulit ringan atau kerengsaan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers ->Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Jardin Zincox 15 Cream (Zinc Oxide 15% w/w)

- Penyimpanan

- Tutup bekas dengan kemas.
- Simpan di bawah 30 ° C.
- Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.
- Jangan simpan ubat yang telah tamat tempoh.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi anda tentang bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih lembut yang tiada bau.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Zinc Oxide*

Bahan tidak aktif: *Chlorocresol, white soft paraffin, liquid paraffin, cetostearyl alcohol, cetomacrogol dan purified water.*

- Nombor MAL

MALXXXXXXX

Pemegang Pendaftaran Produk

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
No. 12-1, Jalan Delta U6/19,
Sunway Subang Business Park,
Jalan TUDM, 40150 Shah Alam,
Selangor.

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn Bhd,
Lot 1, 2, 3 & 4,
Kawasan Industri Batu 7,
23000 Dungun, Terengganu,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/11/2024

Nombor siri

NPRA (R2) 24/137